



# Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia

MALAYSIAN ASSOCIATION OF ENVIRONMENTAL HEALTH (MAEH)

(Registration No. PPM-001-14-14041990)

No 29-2 Jalan Equine 1A,

Taman Equine, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-89597878 Fax: 03-89538222 E-mel : maehmember@gmail.com

Ruj Kami : Bil (3)MAEH/MESY/2019

Tarikh : 30 April 2019

## SENARAI SEPERTI EDARAN

Tuan/Puan,

### EDARAN MINIT MESYUARAT AHLI MAJLIS KERJA PERSATUAN KESIHATAN ENVIRONMEN MALAYSIA (MAEH) BIL. 01 PENGGAL 2019-2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil 1 Penggal 2019-2021 telah diadakan pada 20 April 2019 (Sabtu), Jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat MAEH Taman Equine Park, Seri Kembangan Selangor yang telah dipengerusikan oleh Presiden MAEH.


3. Bersama-sama dengan ini, disertakan Minit Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Environment Malaysia (MAEH) Bil 1 Penggal 2019-2021 untuk makluman dan tindakan semua Ahli Majlis Kerja MAEH.

4. Sehubungan dengan ini juga, disertakan format Maklum Balas Minit Mesyuarat seperti di Lampiran A untuk tindakan dan sila kemukakan Maklum Balas Minit Mesyuarat untuk dibincangkan pada mesyuarat yang akan datang. Kerjasama daripada pihak tuan dalam perkara ini diucapkan jutaan terima kasih. Sekian

Terima kasih

### 'UNTUK KESEJAHTERAAN MANUSIA SEJAGAT'

Saya yang menjalankan tugas

  
(TEE ENG ONG)

Presiden

Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH)

SK:- Fail

A Member of The International Federation of Environmental Health (IFEH)



## SENARAI EDARAN

- |    |   |                               |
|----|---|-------------------------------|
| 1  | En Tee Eng Ong                                | - Presiden                    |
| 2  | En Megat Azman Bin Megat Mokhtar              | - Naib Presiden               |
| 3  | En Rudiaswady Bin Abdul Rahim                 | - Setiausaha Kehormat         |
| 4  | Pn Robiatul Munawwirah Binti Ahmad            | - Setiausaha Kehormat I       |
| 5  | En Mohamad Ridzuan Bin Mohamad Salleh         | - Setiausaha Kehormat II      |
| 6  | Tn Haji Tengku Abdullah Bin Tengku Amir       | - Bendahari Kehormat          |
| 7  | En Chandrakant Patel                          | - Penolong Bendahari Kehormat |
| 8  | Ts Dr Nazri Bin Che Dom                       | - Ahli Jawatankuasa           |
| 9  | Dr Farah Ayuni Binti Sahafea @ Shafie         | - Ahli Jawatankuasa           |
| 10 | En Wee Kong Heng                              | - Ahli Jawatankuasa           |
| 11 | En Mohmad Puad Bin Ma'on                      | - Ahli Jawatankuasa           |
| 12 | Prof. Madya Dr Irniza Binti Rasdi             | - Ahli Jawatankuasa           |
| 13 | En Mariappan a/l Chinniah                     | - Ahli Jawatankuasa           |
| 14 | En Nik Zulkiffle Bin Amin Hashim              | - Ahli Jawatankuasa           |
| 15 | Tn Haji Che Saipolliza Bin Deraman            | - Ahli Jawatankuasa           |
| 16 | Dr Muhammad Amir Bin Kamaluddin               | - Ahli Jawatankuasa           |
| 17 | YM Raja Kamarul Abidin Bin Raja Kamarul Zaman | - Setiausaha Eksekutif        |

**MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT**

Nama Mesyuarat : Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH)  
 Bil. 1 Penggal 2019-2021  
 Tarikh : 20 April 2019 (Sabtu)  
 Masa : 9.00 Pagi  
 Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Maeh No 29-2, Jalan Equine 1a, Taman Equine 43300  
 Seri Kembangan Selangor

MUKA SURAT	PARA	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS

**MINIT MESYUARAT  
AHLI MAJLIS KERJA PERSATUAN KESIHATAN ENVIRONMEN MALAYSIA  
(MAEH) BIL 1 PENGGAL 2019-2021**

**Tarikh** : 20 April 2019 (Sabtu)  
**Masa** : 9.00 pagi – 3.00 petang  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat, Pejabat MAEH  
No 29-2, Jalan Equine 1A,  
Taman Equine  
43300 Seri Kembangan Selangor

**Agenda:**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	Perutusan Pengerusi
2	Pengesahan Minit Mesyuarat Ahli Majlis Kerja MAEH Bil 8 Penggal 2017-2019
3	Perkara-perkara berbangkit
4	Pembentangan Jawatankuasa Kecil
5	Pembentangan Laporan Kewangan
6	Pembentangan Draf Minit Mesyuarat BGM MAEH Penggal 2019-2021
7	Perbincangan dan Tindakan Susulan Minit Mesyuarat BGM MAEH Penggal 2019-2021
8	Permohonan Keahlian Baharu MAEH
9	Hal-hal lain
10	Penangguhan Mesyuarat

## HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN
1	En. Tee Eng Ong	Presiden
2	En. Megat Azman bin Megat Mokhtar	Naib Presiden
3	En. Rudiaswady bin Abdul Rahim	Setiausaha Kehormat
4	Puan Robiatul Munawwirah binti Ahmad	Penolong Setiausaha Kehormat 1
5	En. Mohamad Ridzuan bin Mohamad Salleh	Penolong Setiausaha Kehormat 2
6	YM Tengku Abdullah bin Tengku Amir	Bendahari Kehormat
7	En. Chandrakant Patel	Penolong Bendahari Kehormat
8	Dr. Farah Ayuni Binti Sahafea@Shafie	EXCO
9	En. Wee Kong Heng	EXCO
10	En. Mohmad Puad bin Ma'on	EXCO
11	En. Mariappan a/l Chenniah	EXCO
12	En. Nik Zulkifli bin Amin Hashin	EXCO
13	Dr. Muhammad Amir bin Kamaluddin	EXCO
14	YM Raja Kamarul Abidin bin Raja Kamarul Zaman	Setiausaha Eksekutif

## TIDAK HADIR DENGAN SEBAB

1	Ts Dr. Nazri bin Che Dom	EXCO
2	Prof Madya Dr Irniza binti Rasdi	EXCO
3	Tuan Haji Che Saipolliza bin Deraman	EXCO

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><b>PERUTUSAN Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan terima kasih atas kehadiran semua ahli mesyuarat. Beliau memaklumkan perkara-perkara berbangkit:</p> <p>Merakamkan ucapan tahniah kepada semua EXCO yang telah dipilih dalam BGM MAEH pada 28 Mac 2019 di Kelab Tasik Putrajaya</p> <p>Mengucapkan terima kasih kepada semua EXCO Penggal 2017-2019 yang telah memberi khidmat bakti kepada MAEH terutama yang telah tidak bertanding dan tidak dipilih dalam BGM MAEH.</p> <p>MAEH bersetuju semua AJK Penganjur IFEH World Congress 2020 akan dikekalkan</p> <p>Merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada En. Mohamad Puad Bin Ma'on yang telah berkhidmat sebagai Setiausaha Kehormat MAEH Penggal 2017-2019</p> <p>Semua EXCO dijemput hadir Mesyuarat JK WCEH 2020 dan seterusnya ke program berbuka puasa MAEH di PWTC pada 9 Mei 2019</p> <p>Merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Program Kesihatan Persekitaran ILKKM Sg Buloh kerana berjaya melaksanakan Projek CSR di Royal Belum. Turut berharap agar projek berbentuk CSR ini dapat dikembangkan lagi ke beberapa lokasi.</p> <p>Beberapa aktiviti anjuran MAEH yang akan dilaksanakan iaitu MAEH Urban Forum Seminar di Langkawi, Kursus FSMS, CPD, Program Gotong Royong LA21 dan Kursus Fumigation</p>	Makluman
2	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Ahli Majlis Kerja MAEH Bil 8 Penggal 2017-2019</b></p>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum Minit Mesyuarat Ahli Majlis Kerja MAEH Bil 8 Penggal 2017-2019 di sahkan dengan pindaan.</p> <p>Pencadang : En. Chandrakant Patel  Penyokong : En. Megat Azman bin Megat Mokhtar</p>	Makluman

BIL	PERKARA	TINDAKAN
3.0	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
3.1	<b>Perkara-perkara yang digugurkan</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju perkara-perkara berikut digugurkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkara 1.1 Hari Tandas Sedunia pada 24 – 26 Jan 2019. MAEH menyediakan booth dan menghantar 3 perwakilan.</li> <li>2. Perkara 6.1 Mesyuarat mengambil maklum mengenai perlunya koordinator kursus mematuhi modul yang disediakan dan jadual dalam takwim yang disediakan.</li> </ol> <p><b>Tindakan : Makluman</b></p>	Makluman
3.2	<b>IFEH Council Meeting dan Persidangan 3rd IFEH World Academic di Kampala Uganda</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum IFEH Council Meeting akan di adakan pada 7 -9 April 2019 di Kampala Uganda. Mesyuarat bersetuju untuk menghantar 3 orang wakil iaitu En. Megat Azman Bin Megat Mokhtar, En. Muniandy a/l M Nathan dan En. Syazwan Aizat Bin Ismail yang akan membentangkan beberapa kertas dan poster. Mesyuarat bersetuju untuk menanggung sebahagian perbelanjaan dan MyCeb akan menanggung sebahagian daripadanya.</p> <p>Walaupun bagaimanapun Mesyuarat dimaklumkan hanya En. Megat Azman Bin MEgat Mokhtar dan En. Syazwan Aizat Bin Ismail sahaja yang hadir ke persidangan tersebut. Mesyuarat juga mengambil maklum laporan daripada En. Megat Azman Bin Megat Mokhtar adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. 12 negara telah menyertai IFEH Council Meeting</li> <li>2. Tiga orang pakar dalam bidang kesihatan persekitaran telah dikenal pasti dan boleh dijemput sebagai pembentang di WCEH 2020. Nama akan dikemukakan JK Saintifik WCEH 2020.</li> <li>3. MAEH perlu mengemukakan laporan tahunan ke IFEH secara berkala</li> <li>4. IFEH telah melantik Setiausaha Kehormat baru daripada Ireland iaitu En. Martin Fitzpatrick</li> <li>5. MAEH perlu bayar yuran keahlian kepada IFEH</li> </ol>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>6. IFEH akan menggabungkan penganjuran WCEH dan Academic Conference pada masa akan datang selepas WCEH2020 di Kuala Lumpur</p> <p>7. Promosi WCEH telah mendapat sambutan yang baik di Kampala, Uganda.</p> <p>8. IFEH mencadangkan mana-mana ahli gabungan untuk memberi sumbangan berbentuk wang dalam membantu Projek Food Safety Di makerere University</p> <p>9. Mesyuarat mengambil maklum kos perbelanjaan adalah tidak melebihi RM 13,600.00 dan perbelanjaan lengkap akan diperincikan oleh En. Megat Aman Bin Megat Mokhtar pada mesyuarat akan datang.</p> <p>10. Mesyuarat juga bersetuju En. Megat Azman Bin Megat Mokhtar menyediakan laporan lengkap berkaitan Mesyuarat IFEH dan persidangan tersebut dan bentang dalam mesyuarat akan datang.</p> <p><b>Tindakan : En. Megat Azam bin Megat Mokhtar</b></p>	
3.3	<p><b>Kajian Sistem Penyampaian Kesihatan Persekitaran di Malaysia</b></p>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum Mesyuarat Majlis Presiden Profesion Persatuan dan Kesatuan PKP dan PPKP telah setuju untuk menjalankan satu kajian mengenai Sistem Penyampaian Kesihatan Persekitaran di Malaysia. Mesyuarat mengambil maklum pasukan kajian ini dianggotai oleh wakil dari setiap persatuan dan kesatuan dan diterajui oleh EHOM.</p> <p>Mesyuarat bersetuju MAEH terlibat dalam kajian ini dan akan diwakili oleh En. Megat Azman Bin Megat Mokhtar, Pn. Robiatul Munawwirah Binti Ahmad dan En. Syazwan Aizat Bin Ismail.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mesyuarat pertama telah diadakan pada 05 Mac 2019 di Bilik Mesyuarat MAEH.</p> <p>Mesyuarat juga mengambil maklum pasukan kajian sedang mendapatkan maklumat awal kajian ini.</p> <p><b>Tindakan : En Megat Azman Megat Mokhtar, Pn. Robiatul Munawwirah Ahmad</b></p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
3.4	<p><b>Perbincangan Bersama Mr. Richard Sprenger</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum satu perbincangan bersama Mr. Richard Sprenger telah diadakan mengenai penganjuran kursus dan WCEH 2020.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk menjemput Mr. Richard Sprenger sebagai pembentang dan penganjuran kursus pada WCEH 2020.</p> <p><b>Tindakan : En. Tee Eng Ong</b></p>	
3.5	<p><b>Ahli Bersekutu MyFosh.</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum MAEH telah menjadi ahli MyFosh. Mesyuarat juga mengambil maklum AGM MyFosh akan diadakan dalam masa terdekat dan akan dihadiri oleh Presiden MAEH.</p> <p><b>Tindakan : En. Tee Eng Ong</b></p>	
3.6	<p><b>Kajian Berkaitan Denggi</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan adanya keperluan untuk MAEH menjalankan kajian berkaitan denggi dan mesyuarat bersetuju kajian ini dikendalikan oleh En. Veeramohan.</p> <p><b>Tindakan : En. Veeramohan dan Dr. Nazri</b></p>	
3.7	<p><b>Pelan Tindakan MAEH 2019</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Pelan Tindakan MAEH 2019 telah di adakan dalam permukiman MAEH pada 14 dan 15 Disember 2019. Mesyuarat bersetuju maklum pelan ini akan dijadikan takwim MAEH Tahun 2019</p> <p><b>Tindakan : Setiausaha Kehormat</b></p>	
3.8	<p><b>Cadangan Penyewaan Bilik Mesyuarat MAEH</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan sewaan Bilik Mesyuarat MAEH pada kadar berikut:</p> <p>Setengah hari (8.00 pagi – 1.00 petang) : RM 250.00</p> <p>Sehari (8.00 pagi – 5.00 petang): RM400.00</p> <p>Mesyuarat bersetuju cadangan promosi Bilik Latihan MAEH yang dibentangkan oleh SU Kehormat MAEH.</p> <p><b>Tindakan : Setiausaha Kehormat</b></p>	

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>
<b>3.9</b>	<p><b>CPD Anjuran MAEH</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju MAEH menganjurkan CPD secara berkala tiga bulan sekali. Mesyuarat juga bersetuju untuk lokasi CPD dibuat dilokasi berbeza-beza.</p> <p><b>Tindakan : JK CPD dan SU Kehormat</b></p>	
<b>3.10</b>	<p><b>Mesyuarat Agung Dwi Tahunan MAEH</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan setuju BGM MAEH di adakan pada 28 Mac 2019 di Kelab Tasik Putrajaya.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum, BGM ini telah di adakan seperti mana dirancang dengan kehadiran 95 orang ahli MAEH.</p> <p><b>Tindakan : Makluman</b></p>	
<b>3.11</b>	<p><b>Akaun Bank WCEH 2020</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akaun bank WCEH 2020 telah dibuka dan akan digunakan untuk semua urusan berkaitan WCEH</p> <p><b>Tindakan : Makluman</b></p>	
<b>4.0</b>	<p><b>PEMBENTANGAN JAWATANKUASA KECIL</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju adanya keperluan untuk mewujudkan JK Kecil MAEH.</p> <p>Mesyuarat bersetuju Jawatankuasa Kecil adalah seperti di Lampiran 1.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk setiap pengerusi Jawatankuasa Kecil menyediakan TOR dan KPI bagi setiap jawatankuasa kecil dan dibentang dalam mesyuarat akan datang.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju setiap JK Kecil membentang laporan aktiviti dan pencapaian masing-masing pada setiap mesyuarat EXCO.</p> <p><b>Tindakan : Semua EXCO</b></p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
5.0	<b>PEMBENTANGAN LAPORAN KEWANGAN</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum laporan kewangan MAEH bagi bulan Jan-Mac 2019 oleh Bendahari Kehormat seperti Lampiran 2</p> <p><b>Tindakan : Makluman.</b></p>	
6.0	<b>PEMBENTANGAN DRAF MINIT MESYUARAT BGM MAEH PENGGAL 2019-2021</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum draf Minit Mesyuarat BGM MAEH Penggal 2019-2021 oleh SU Kehormat Penggal 2017-2019 dengan pindaan berikut:</p> <p>Menyatakan saguhati kepada Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat sebanyak RM1000.00 setahun dan Penolong Setiausaha I dan II serta Penolong Bendahari sebanyak RM 500.00 setahun.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju draf dokumen ini diedarkan melalui emel kepada ahli yang hadir BGM untuk semakan dan cadangan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu.</p> <p>Mesyuarat bersetuju Setiausaha Kehormat dan Bendahari mengemaskini laporan ini dalam sistem e-roses.</p> <p><b>Tindakan : Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat</b></p>	
7.0	<b>PERBINCANGAN DAN TINDAKAN SUSULAN MINIT MESYUARAT BGM MAEH PENGGAL 2019-2021</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum cadangan tindakan susulan BGM MAEH yang dibentangkan seperti Lampiran 3.</p> <p>Mesyuarat bersetuju tindakan susulan di ambil oleh EXCO yang berkaitan.</p> <p><b>Tindakan : Semua Exco</b></p>	
8.0	<b>PERMOHONAN KEAHLIAN BAHARU MAEH</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum tiada permohonan keahlian baharu.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk Setiausaha Kehormat melaporkan status keahlian biasa dan seumur hidup MAEH dalam setiap mesyuarat EXCO.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<b>Tindakan : Setiausaha Kehormat</b>	
<b>9.0</b>	<b>HAL-HAL LAIN</b>	
<b>9.1</b>	<b>Pelantikan EXCO Tambahan MAEH</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum perlembagaan MAEH telah dipinda bagi pelantikan 3 orang EXCO tambahan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk pelantikan ini adalah dalam kalangan individu yang boleh memberi sumbangan dan manfaat kepada MAEH, ada <i>command impact</i> dan berminat kepada profesion. Mesyuarat bersetuju secara prinsipnya pelantikan EXCO ini daripada mewakili agensi-agensi berikut:</p> <p>KPKT, Ketua SIP KKM, Universiti, DBKL dan Swasta</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk EXCO MAEH mengenalpasti calon-calon yang menepati kriteria di atas dan bantangan dalam mesyuarat yang akan datang.</p> <p><b>Tindakan : Semua EXCO</b></p>	
<b>9.2</b>	<b>Penganjuran MAEH Urban Health Forum</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju untuk MAEH akan menganjurkan MAEH Urban Health Forum pada 17 dan 18 Jun 2019 di Majlis Perbandaran Langkawi, Bandaraya Pelancongan Kedah.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan pembentangan kertas cadangan oleh Dr. Farah Seperti dilampiran 4</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju kos penganjuran yang akan ditanggung oleh MAEH adalah tidak melebihi RM3000.00</p> <p>Mesyuarat bersetuju kos tambang ditanggung sendiri oleh EXCO yang terlibat manakala kos penginapan ditanggung oleh MAEH</p> <p><b>Tindakan : Dr. Farah Ayuni Binti Shafie, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat.</b></p>	
<b>9.3</b>	<b>Penerbitan Khas Dalam Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences</b>	
	Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju MAEH melanggan dalam Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences bagi penerbitan kertas pembentangan WCEH 2020.	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Mesyuarat bersetuju dengan bayaran RM 5000.00.</p> <p><b>Tindakan : Dr. Mohd Muhammad Amir bin Kamaludin dan Bendahari Kehormat</b></p>	
<b>9.4</b>	<b>E-Perolehan</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum MAEH belum berdaftar dengan E-perolehan dan menyukarkan bayaran bagi penyertaan kursus daripada agensi kerajaan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk MAEH melantik agen bagi menguruskan permohonan ini dan latihan penggunaan kepada SU Kehormat, Bendahari Kehormat dan SU Esekutif MAEH dengan kos tidak melebihi RM 2000.00</p> <p><b>Tindakan : Setiausaha Esekutif</b></p>	
<b>9.5</b>	<b>Takwim Mesyuarat EXCO MAEH</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan setuju cadangan takwim mesyuarat EXCO MAEH seperti Lampiran 5.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk semua EXCO membuat perancangan awal supaya boleh hadir ke mesyuarat yang telah ditetapkan</p> <p><b>Tindakan : Semua EXCO</b></p>	
<b>9.6</b>	<b>Kemaskini Pentadbir Akaun MAEH dan Permohonan Urusan Secara Online MAEH</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum pentadbir akaun MAEH perlu dikemaskini dengan pihak Maybank Cawangan Damansara Heights dan Public Bank cawangan Taman Equine susulan keputusan BGM MAEH yang telah di adakan pada 28 Mac 2019 di Kelab Tasik Putrajaya.</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Setiausaha Kehormat MAEH yang baru bagi penggal 2019-2021 adalah En Rudiaswady Bin Abdul Rahim.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju untuk pihak MAEH memohon untuk urusan pentadbir akaun secara online bagi urusan akaun MAEH</p> <p><b>Tindakan : Presiden, SU Kehormat dan Bendahari Kehormat.</b></p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
9.7	<b>Program Integrasi Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum pihak Bahagian Pengurusan Latihan KKM akan melaksanakan Program Integrasi ILKKM.</p> <p>Mesyuarat juga mengambil maklum situasi ini akan memberi kesan kepada Program Kesihatan Persekitaran dan Pengamal Kesihatan Persekitaran secara amnya seperti berikut:</p> <p>Penutupan Program Kesihatan Persekitaran dan Pembantu Kesihatan Awam</p> <p>Pemindahan Program Kesihatan Persekitaran dan Pembantu Kesihatan Awam</p> <p>Pengecilan Program Kesihatan Persekitaran dan Pembantu Kesihatan Awam.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk mengambil tindakan berikut:</p> <p>Presiden MAEH akan memaklum isu ini dan memohon Majlis Presiden Persatuan dan Kesatuan Profesion PKP dan PPKP mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan dan tindakan susulan berkaitan perkara ini dalam masa terdekat.</p> <p><b>Tindakan: Presiden MAEH dan Setiausaha Kehormat</b></p>	
9.8	<b>Penulisan Buku Sejarah Tokoh Kesihatan Persekitaran</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan setuju adanya keperluan untuk pihak MAEH mewujudkan satu pasukan khas untuk membuat penulisan buku berkaitan sejarah tokoh-tokoh kesihatan persekitaran di Malaysia.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju untuk pasukan ini di Ketua oleh Setiausaha Kehormat MAEH</p> <p><b>Tindakan : Setiausaha Kehormat MAEH</b></p>	
9.9	<b>Perasmian Pejabat MAEH</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju untuk MAEH mengadakan majlis perasmian Pejabat baru MAEH.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk Penolong Setiausaha Kehormat MAEH II menyediakan kertas cadangan dan mengadakan perbincangan awal bersama Pejabat Ahli Parlimen Puchong.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<b>Tindakan : Penolong Setiausaha Kehormat II MAEH</b>	
9.10	<b>Logo MAEH Pada Cermin Depan Pejabat MAEH</b>	
	<p>Mesyuarat bersetuju untuk menempah logo MAEH dan tulisan dalam bertuk sticker pada cermin hadapan di Pejabat MAEH sebagai pengenalan Pejabat MAEH.</p> <p><b>Tindakan : Wee Koh Keong</b></p>	
9.11	<b>Pembelian Cenderahati Untuk Peserta Kursus</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bagi pembelian cenderahati bagi peserta kursus anjuran MAEH seperti berikut:</p> <p>Green Bag (1000 pax/ RM 2.00/unit) Thumbdrive (100 pax /RM15.00 /unit)</p> <p><b>Tindakan : Presiden dan Bendahari Kehormat</b></p>	
9.12	<b>Carta Alir Dan Prosedur Sumbangan MAEH</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum adanya keperluan untuk menyeragamkan prosedur dan kadar pemberian sumbangan MAEH kepada pemohon.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk SU Kehormat menyediakan draf carta alir dan prosedur dan dikemukakan kepada EXCO untuk persetujuan.</p> <p><b>Tindakan : Setiausaha Kehormat</b></p>	
9.13	<b>Ucapan Tahniah Kepada Tuan Ooi Poh Keong</b>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum Tuan Ooi Poh Keong telah diberi pemangkuan ke gred U54 dan ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran, JKT KPKT.</p> <p>Mesyuarat juga mengambil maklum dan ini merupakan jawatan tertinggi dalam kalangan PKP dan mesyuarat bersetuju untuk menyediakan surat ucapan tahniah kepada Tuan Ooi Poh Keong.</p> <p><b>Tindakan : Setiausaha Kehormat</b></p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
9.14	<b>Tempahan Blazer MAEH Bagi EXCO Baharu</b> Mesyuarat mengambil maklum terdapat empat EXCO baharu yang belum membuat tempahan blazer MAEH.  Mesyuarat bersetuju untuk semua EXCO tersebut membuat tempahan dan MAEH akan menanggung separuh kos blazer tersebut.  <b>Tindakan : En. Mariappan, En. Nik Zulkifli Bin Amin Hashim, Tuan Haji Che Saipolliza Bin Deraman dan Prof Madya Dr Irniza Binti Rasdi</b>	
9.15	<b>Gambar carta organisasi MAEH Penggal 2019-2021</b> Mesyuarat mengambil maklum gambar carta organisasi EXCO MAEH penggal 2019-2021 perlu disediakan.  Mesyuarat bersetuju untuk empat EXCO yang baru untuk hadir ke Pejabat MAEH bagi sesi bergambar dan blazer MAEH boleh dipinjamkan dengan mana-mana EXCO terdahulu  <b>Tindakan : En. Mariappan, En. Nik Zulkifli Bin Amin Hashim, Tuan Haji Che Saipolliza Bin Deraman dan Prof Madya Dr Irniza Binti Rasdi</b>	
9.16	<b>Penyampaian Watikah Pelantikan EXCO Penggal 2019-20201</b> Mesyuarat mengambil maklum Tuan Presiden MAEH telah menyampaikan watikah pelantikan kepada EXCO yang hadir mesyuarat.  <b>Tindakan : Makluman</b>	


Disedia oleh :-



( Rudiaswady Bin Abdul Rahim )  
Setiausaha Kehormat  
Penggal 2019-2021

Tarikh : 20 April 2019

Disemak oleh :-



( Tee Eng Ong )  
Presiden  
Penggal 2019-2021

Tarikh : 20 April 2019



**SENARAI JAWATANKUASA KECIL  
 AHLI MAJLIS KERJA PERSATUAN KESIHATAN ENVIRONMEN MALAYSIA (MAEH)  
 PENGGAL 2019-2021**

BIL	NAMA	AGIHAN TUGAS/PORTFOLIO
1	En Tee Eng Ong Presiden	Jawatankuasa Kecil Teknikal
2	En Megat Azman Bin Megat Mokhtar Naib Presiden	Jawatankuasa Kecil Hubungan Luar & Antarabangsa
3	En Rudiaswady Bin Abdul Rahim Setiausaha Kehormat	Jawatankuasa Kecil Promosi & Multimedia
4	Pn Robiatul Munawwirah Binti Ahmad Penolong Setiausaha Kehormat I	Jawatankuasa Kecil Buletin & CSR
5	En Mohamad Ridzuan Bin Mohamad Salleh Penolong Setiausaha Kehormat II	Jawatankuasa Kecil Pembangunan Profesion di KKM
6	Tn Haji Tengku Abdullah Bin Tengku Amir Bendahari Kehormat	Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Ekonomi MAEH
7	En Chandrakant Patel Penolong Bendahari Kehormat	Jawatankuasa Kecil Keahlian
8	Ts Dr Nazri Bin Che Dom Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil Penyelidikan

9	Dr Farah Ayuni Binti Shafie Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil Student Chapter & Jaringan Universiti
10	En Wee Kong Heng Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) & LA21
11	En Mohmad Puad Bin Ma'on Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil CSR
12	Prof. Madya Dr Imiza Binti Rasdi Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil Teknikal Kesihatan Persekitaran
13	En Mariappan A/L Chinniah Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil Latihan
14	En Nik Zulkifli Bin Amin Hashim Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil CPD
15	Tn Haji Che Saipolliza Bin Deraman Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil Pembangunan Profesion di KPKT & SWASTA
16	Dr Muhammad Amir Bin Kamaluddin Ahli Jawatankuasa	Jawatankuasa Kecil Jurnal
17	YM Raja Kamarul Abidin Bin Raja Kamarul Zaman Setiausaha Eksekutif	Urus Tadbir MAEH

Lampiran 3

**PERBINCANGAN DAN TINDAKAN SUSULAN MINIT MESYUARAT BGM MAEH  
PENGGAL 2019-2021**

<b>Bil.</b>	<b>Pembawa dan Penyokong Cadangan / Usul</b>	<b>Cadangan / Usul</b>	<b>Jawapan / Justifikasi</b>
1.	Tee Eng Ong / Ahli Majlis Jawatankuasa Kerja	Mohon persetujuan ahli supaya MAEH menganggotai MyFOSH (Malaysian Federation of Occupational Safety & Health) Diterima	Setuju – Tindakan Presiden untuk mewakili MAEH
2.	Mohmad Puad bin Maon / Ahli Jawatankuasa Kerja MAEH	Jawatankuasa Induk WCEH 2020 perlu dikekalkan sehingga selesai penganjuran walaupun sekiranya tidak terpilih dalam Jawatan kuasa kerja MAEH bagi penggal 2019-2020 bagi menjamin kesinambungan program yang telah dirancang	Setuju – Tindakan SU WCEH 2020
3.	Robiatul Munawwirah bt Ahmad / Ahli Jawatankuasa Kerja MAEH	Mempergiatkan aktiviti promosi dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti luar bersama komuniti di sesebuah lokaliti	Setuju – Tindakan JK Kecil CSR
4.	Chandrakant Patel / Ahli Jawatankuasa Kerja MAEH	Menaik yuran tahunan ahli daripada RM 36.00 kepada RM 50.00	Setuju – Pindaan Perlembagaan – Tindakan SU Kht
5.	Hj Shaari bin Joned / Ahli Jawatankuasa Kerja MAEH	Profesional Kesihatan Persekitaran perlu menjuari dalam bidangnya.	Sedang dijalankan
6.		Mengadakan program pembangunan kerjaya kepada ahli melalui aktiviti Team Building bererasaskan PAC	Setuju dengan kepada pencadang – Tindakan SU Kht
7.	Mohd Zaharen bin Md Zahir / Mazlan Mansor	Menganjurkan Bengkel / Kursus Latihan kepada setiap ahli untuk berkhidmat penuh amanah, jujur dan integriti melalui program Psikososial dan Kaunseling	Setuju dengan kepada pencadang – Tindakan SU Kht

8.		Mengadakan kolaborasi kepakaran dalam bidang kesihatan persekitaran dengan psikologis	Setuju dengan kepada pencadang – Tindakan SU Kht
9.	Zuhaimi Azman b Yusoff / Fatin Alia bt Yusof	Mengurangkan yuran keahlian	Tidak setuju dengan cadangan
10.		Menghebahkan kelebihan menjadi Ahli Seumur Hidup	Setuju dengan cadangan – Tindakan JK Keahlian
11.		Menghebahkan aktiviti MAEH melalui Media Sosial	Sedang di jalankan
12.		Menawarkan peluang kerjaya kepada ahli MAEH yang berfaedah melalui kerjasama dengan pihak swasta, agensi pekerjaan dll	Sedang di jalankan
13.		Menjemput Ahli MAEH untuk hadir ke Mesyuarat Tahunan MAEH	Sedang di jalankan – Sediakan surat jemputan untuk hadir ke BGM - Tindakan SU Kht



---

**KERTAS KERJA PROGRAM**

**MAEH | URBAN HEALTH FORUM:  
TOWARDS LIVABLE COMMUNITIES**

---

**TARIKH:**

17 - 18 Jun 2019

**TEMPAT:**

MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDAR PELANCONGAN (MPLBP)

**ANJURAN**

Malaysian Association of Environmental Health (MAEH)

**ANJURAN BERSAMA**

Centre for Environmental Health and Safety

Faculty of Health Sciences

UiTM

Integrated Mosquito Research Group (I-MeRGe)

## RINGKASAN EKSEKUTIF

<b>TAJUK PROGRAM</b>	<i>MAEH / Urban Health Forum: Towards Livable Communities</i>
<b>JENIS PROGRAM</b>	Akademik / Penyelidikan / Aktiviti pelajar
<b>OBJEKTIF PROGRAM</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk membincang dan membentang isu-isu semasa berkaitan kesihatan bandar dan cabarannya di dalam format 'perbincangan kelompok tertumpu' (<i>focus group discussion</i>)</li> <li>2. Untuk menunjukkan inisiatif MAEH dalam memperkasakan pembangunan mampan dan mereliasasikan Matlamat Pembangunan Mampan.</li> </ol>
<b>ANJURAN</b>	Jawatankuasa Penyelidikan & Student Chapter MAEH (Pelajar Sarjana Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran, FSK, UiTM)
<b>TARIKH</b>	17 - 18 Jun 2019
<b>TEMPAT</b>	Majlis Perbandaran Langkawi Bandar Pelancongan
<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan-jabatan Kerajaan</li> <li>2. Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>3. Institusi Pengajian Awam dan Swasta</li> <li>4. Pertubuhan Bukan Kerajaan</li> <li>5. NGO</li> <li>6. Pihak swasta</li> </ol>
<b>ANGGARAN KOS</b>	RM 3100* <i>*to be finalised</i>
<b>HASIL</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbincangan isu kesihatan persekitaran secara akademik dan menggunakan kaedah penyelidikan</li> <li>2. Penghasilan hasil perbincangan di dalam bentuk penerbitan di <i>MAEH Journal of Environmental Health</i></li> </ol> <p>5 tema yang akan dibincangkan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Health Adaptation to Climate Change</li> </ol>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>2. Construction site as transmission hub for dengue: challenges and conflict in urban environment</li> <li>3. Raising Food Safety to Street Food Vendors in Urban Area</li> <li>4. Towards zero waste : Technologies and minimisation strategies</li> <li>5. On Social Norm: Extension Of Non-Smoking Areas</li> </ul>
--	---

**MAEH | URBAN HEALTH FORUM:  
TOWARDS LIVABLE COMMUNITIES  
PROGRAMME SCHEDULES (to be finalised)**

**17 June 2019 (Monday)**

<b>TIME</b>	<b>ACTIVITIES</b>
0800 hrs	Arrival of Participants
0830 hrs	Opening Ceremony
0845 hrs	Inauguration Speech by MAEH President
0900 hrs	Officiating Ceremony by YDP of MPLBP
0930 hrs	Focus Group Discussion begins (5 sub themes)
1300 hrs	Lunch
1400 hrs	Focus Group Discussion resumes
1600 hrs	Wrap Up Session for Day 1
1630 hrs	Photoshoot Session
1700 hrs	Dismiss

**18 June 2019 (Tuesday)**

<b>TIME</b>	<b>ACTIVITIES</b>
0820 hrs	Arrival of Participants
0830 hrs	Summary and finalizing the outputs from Focus Group Discussion
0900 hrs	Presentation of each sub themes

1230 hrs	Closing Ceremony
1245 hrs	Photography Session
1300 hrs	Dismiss

**OR**

**CSR activities**

<b>TIME</b>	<b>ACTIVITIES</b>
0820 hrs	Arrival of Participant
0830 hrs	Briefing and Team Selection
0900 hrs	CRS Session – Beach Cleaning with MPLBP
1200 hrs	Closing Ceremony
1230 hrs	Photoshoot Session
1240 hrs	Dismiss

Suggestions:

1. Food handler's training course for 30 participants (low income) by MAEH for free-MPLBP to seek for participants
2. Health promotion on non-smoking areas
3. Health promotion in school – during school assembly - Aedes Awareness and 3R programmes

To be finalised by CSR Committee of MAEH

## COMMITTEE MEMBERS – MAEH STUDENT CHAPTER

### Master in Environmental Health and Safety students

<b>Programme Advisor / Coordinator</b>	Dr Farah Ayuni Shafie
<b>Director</b>	Muhammad Syahidin Bin Sulaiman
<b>Deputy Director</b>	Siti Nur Sabrina Binti Mohd Hamirudin
<b>Secretary</b>	Ismaliza Binti Isa
<b>Assistant Secretary</b>	Nur Hayati Binti Notzir
<b>Treasurer</b>	Zuhainy Ahmad Zhaki
<b>Committee Members:</b>	
<b>Programme</b>	- Syafiqah Afira Saati - Mohd Hilmi Bin Che Jusoh - Nur Azlin Kather Mahiddin
<b>FGD &amp; Protocol</b>	- Norfaiza Binti Abdul Muin - Rohaizat Binti Mohd Noordin - Nur Arina Binti Ahmad Bukhari
<b>Food &amp; Beverages</b>	- Paulina Pungging - Ili Zawani Binti Kamari
<b>Accommodation and Transport</b>	- Maisarah Binti Mohamad Zukleple - Siti Fauziah Markanah
<b>Arrangement and Decoration</b>	- Nur Ashila Fadzilan - Nurul Farida Zainal Abidin
<b>Logistic &amp; Technical</b>	- Muhammad Faris Bin Fauzi - Aisyah Nur Binti Che Mohd Rose - Mohamad Fauzi Bin Senin
<b>Multimedia &amp; Publicity</b>	- Ibrahim Ahmed Ahmed Alhothily - Siti Aisyah Abdul Rahman - Azlina Binti Abu @ Abu Bakar
<b>Invitation &amp; Registration</b>	- Nurshuhada Binti Abd Wahab - Syaza Fakhriah Binti Hairul Anuar - Nik Muhammad Hanif Nik Abdull Halim

**COMMITTEE MEMBERS – MAEH Urban Health Forum 2019 (MAEH Exco and members)**

<b>Chairman</b>	Tee Eng Ong
<b>Secretary</b>	Rudiaswady Abdul Rahim
<b>Liaison Officers (logistics and transport)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>To liaise with MPLBP on venue and logistics</i></li> <li>- <i>To arrange accommodation for MAEH exco members</i></li> </ul>	Megat Azman Megat Mokhtar Mohamad Puad Maon
<b>Coordinator / Treasurer</b>	Dr Farah Ayuni Shafie
<b>CSR activities</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>To plan CSR activities for Day 2</i></li> </ul>	PM Dr Irniza Rasdi Dr Nazri Che Dom Robiatul Munawwirah Ahmad Mohamad Ridzuan Mohamad Salleh
<b>FGD Coordinators (5 sub themes)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>To oversee student's conduct on FGD</i></li> </ul>	Dr Muhammad Amir Kamaluddin Dr Subramaniam Karuppannan Chandrakant Patel Lim Kuang Hock Veeramohan Supramaniam

**BAJET (to be finalised)**

<b>1. Makanan</b>  RM 15 sehari (makan pagi dan tengahari)  Urusetia – 26 Peserta (termasuk Ahli MAEH) – 40  <i>*or Liaison officer to liaise with MPLBP on budget assistance</i>	<b>Jumlah</b>  RM 1000
<b>2. Peralatan forum</b>  Banner = RM 150  Cetakan buku program dan laporan = RM 40  Cetakan borang FGD = RM 50  Tag nama  Lain – lain – RM 100	      <b>RM 300</b>
<b>3. Penginapan</b>  a) Bantuan kewangan penginapan urusetia (pelajar) RM 25/malam x 26 pelajar – RM 650  <i>*Motel berhampiran dengan MPLBP (walking distance)</i>  b) Penginapan untuk EXCO (2 malam)  1 apartment – 3 bilik untuk Exco lelaki - RM 350  1 apartment – 2 bilik untuk Exco wanita – RM 200	      <b>RM 1200</b>
<b>4. Sewa kenderaan untuk ahli Exco (10 - 14 orang)</b>  RM 300 x 2 hari = RM 500  <i>*or Liaison officer to liaise with MPLBP on transportation</i>	     <b>RM 600</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 3100</b>

\*tiket penerbangan di bawah tanggungan sendiri



**TAKWIM  
MESYUARAT AHLI MAJLIS KERJA  
PERSATUAN KESIHATAN ENVIRONMEN MALAYSIA (MAEH)  
PENGGAL 2019/2021**

**TAHUN 2019**

BIL	PERKARA	CADANGAN TARIKH MESYUARAT
1	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 01	20 April 2019 (Sabtu)
2	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 02	27 Julai 2019 (Sabtu)
3	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 03	19 Oktober 2019 (Sabtu)
4	Retreat MAEH Bil.1 Penggal 2019/2021	Disember 2019

**TAHUN 2020**

BIL	PERKARA	CADANGAN TARIKH MESYUARAT
5	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 04	Januari 2020 (Sabtu)
6	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 05	April 2020 (Sabtu)
7	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 06	Julai 2020 (Sabtu)
8	16th Internasional Federation Of Environmental Health (IFEH) World Congress 2020	11-13 Ogos 2020
9	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 07	Oktober 2020 (Sabtu)
10	Retreat MAEH Bil.2 Penggal 2019/2021	Disember 2020

**TAHUN 2021**

BIL	PERKARA	CADANGAN TARIKH MESYUARAT
11	Mesyuarat Ahli Majlis Kerja Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) Bil. 08	Januari 2021 (Sabtu)
12	BGM MAEH 2021/2023	Mac 2021

\*Segala perubahan tarikh mesyuarat adalah tertakluk pada pindaan

Lampiran 2

PENYATA KEWANGAN MAEH BAGI BULAN JANUARI 2019

PENERIMAAN	JUMLAH	PERBELANJAAN	JUMLAH
BAKI KE HADAPAN	109,203.62	PENGURUSAN & PERALATAN PEJABAT MAEH	
		BAYARAN GAJI BULANAN	1,634.70
ANGKASA		BAYARAN RAWATAN KLINIK	70.00
KUTIPAN YURAN ASH / BARU/ BULANAN /PELAJAR	699.80	BAYARAN UTILITI - UNIFI, LETRIK, AIR & PETTY CASH PEJ MAEH	1,284.41
JUMLAH	699.80	OPERASI PEJABAT- KERTAS PHOTOSTATE, SIJIL KURSUS/KLPM, AIR	632.55
		MINERAL, INK PRINTER, UPAH PASANG KUNCI KABINET	
KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN		JUMLAH	3,621.66
KURSUS - KURSUS DI PEJABAT DBKL DAN DI LUAR	4,000.00		
JUMLAH	4,000.00	PEMBAYARAN PENCERAMAH & TUNTUTAN PERJALANAN	
		BAYARAN PENCERAMAH, PENGENAL & PENGURUSAN KLPM	1,835.00
LAIN-LAIN		TUNTUTAN PERJALANAN AHLI EXCO	563.45
DEPOSIT TUNAI / CEK	500.00	JUMLAH	2,398.45
JUMLAH	500.00	LAIN-LAIN	
		BAYARAN PCO - BAYARAN KEDUA WCEH 2020	9,000.00
		ELAUN MESY & MAKAN MINUM LEPAS MESYUARAT	1,143.00
		BAYARAN PEMBUKAAN AC BANK - WCEH 2020	1,000.00
		SEWAAN BULANAN PEJABAT MAEH	1,000.00
		CAJ SERVIS BANK	73.18

			JUMLAH	12,216.18
JUMLAH BESAR	1.14,403.42		JUMLAH BESAR	18,236.29
			BAKI	96,167.13

NOTA :

1. BAKI TUNAI DI BANK

1. 1 AKAUN UTAMA MAEH	77,871.68
1. 2. AKAUN PROMOSI MAEH	17,663.68
1. 3 TUNAI DI TANGAN	631.77
	96,167.13

PENYATA KEWANGAN MAEH BAGI BULAN FEBRUARI 2019

PENERIMAAN	JUMLAH	PERBELANJAAN	JUMLAH
BAKI KE HADAPAN	96,167.13	PENGURUSAN & PERALATAN PEJABAT MAEH	
		BAYARAN GAJI BULANAN	1,827.10
ANGKASA		BAYARAN RAWATAN & PERUBATAN KLINIK	66.00
KUTIPAN YURAN ASH / BARU/ BULANAN /PELAJAR	875.95	BAYARAN UTILITI - UNIFI, LETRIK & AIR PEJ MAEH	520.80
JUMLAH	875.95	OPERASI PEJABAT- REPAIR/SERVIS PRINTER CANON, SIJIL KLP	420.25
KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN		SETEM & POS LAJU, TONER PRINTER, ENVELOPE & KERTAS	
		PHOTOSTATE	
KURSUS - KURSUS DI PEJABAT DBKL DAN DI LUAR	4,210.00	JUMLAH	2,834.15
JUMLAH	4,210.00		
LAIN-LAIN		PEMBAYARAN PENCERAMAH & TUNTUTAN PERJALANAN	
		BAYARAN PENCERAMAH, PENGENAL & PENGURUSAN KLP	5,162.00
DEPOSIT CEK	1,400.00	TUNTUTAN PERJALANAN & MAKAN MINUM AHLI EXCO	1,423.48
KREDIT CEK - PEMBETULAN	748.00	JUMLAH	6,585.48
JUMLAH	2,148.00		
		LAIN-LAIN	
		BAYARAN PENDAHULUAN PENYEDIAAN BGM 2019-2021	1,500.00
		SEWAAN BULANAN PEJABAT MAEH	1,000.00
		CAJ SERVIS BANK	8.00
		DEBIT BANK - CEK PEMBETULAN	748.00

			JUMLAH	3,256.00
JUMLAH BESAR	103,401.08		JUMLAH BESAR	12,675.63
			BAKI	90,725.45

**NOTA:**

**1. BAKI TUNAI DI BANK**

- 1.1 AKAUN UTAMA MAEH
- 1.2 AKAUN PROMOSI MAEH
- 1.3 TUNAI DI TANGAN

75,765.53

14,412.20

547.72

90,725.45

PENYATA KEWANGAN MAEH BAGI BULAN MAC 2019

PENERIMAAN	JUMLAH	PERBELANJAAN	JUMLAH
BAKI KE HADAPAN	90,725.45	PENGURUSAN & PERALATAN PEJABAT MAEH	
		BAYARAN GAJI BULANAN	1,781.10
ANGKASA		BAYARAN RAWATAN & PERUBATAN KLINIK	70.00
KUTIPAN YURAN ASH / BARU/ BULANAN /PELAJAR	1,507.41	BAYARAN UTILITI - UNIFI & LETRIK PEJ MAEH	604.25
JUMLAH	1,507.41	OPERASI PEJABAT- REPAIR/SERVIS PRINTER CANON, SIJIL KLPM	1,230.01
KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN		SETEM & POS LAJU, TONER PRINTER, ENVELOPE & KERTAS	
		PHOTOSTATE	
KURSUS - KURSUS DI PEJABAT DBKIL DAN DI LUAR	7,850.00	JUMLAH	3,685.36
JUMLAH	7,850.00	PEMBAYARAN PENCERAMAH & TUNTUTAN PERJALANAN	
SEMINAR		BAYARAN PENCERAMAH, PENGENAL & PENGURUSAN KLPM	3,566.00
KUTIPAN YURAN	650.00	TUNTUTAN PERJALANAN & MAKAN MINUM AHLI EXCO	1,443.56
JUMLAH	650.00	JUMLAH	5,009.56
LAIN-LAIN		LAIN-LAIN	
TERIMA TUNAI DARI BENDAHARI	500.00	TUNTUTAN PERJALANAN KE LONDON OLEH MEGAT/FARAH/NAZRI	6,500.00
DEPOSIT CEK	8,250.01	BAYARAN DAFTAR KONFEREN KPD SYAZWAN (RM600) DAN	13,600.00
KREDIT CEK - PEMBETULAN	1,781.10	KONFERENS DI UGANDA (RM13,000) OLEH MEGAT & SYAZWAN	
JUMLAH	10,531.11	BAYARAN PROJEK KOMUNITI PLA (RM100) & PROJEK XPDC	600.00
		DI ROYAL BELUM, PERAK (RM500)	

	SUMBANGAN UTK PROJEK ECO RACE - UKM	300.00
	BAYARAN TEMPAHAN SEBANYAK 50% UTK BGM DI KELAB TASIK PEMBELIAN CREDIT ASSESSMENT & HACCP LICENCE UTK KURSUS	3,700.00 3,019.50
	FOOD SAFETY OLEH PRESIDEN	
	LAIN-LAIN	
	SEWAAN BULANAN PEJABAT MAEH	1,000.00
	CAJ SERVIS BANK	10.00
	DEBIT BANK - CEK PEMBETULAN	1,781.10
	JUMLAH	30,510.60
JUMLAH BESAR	JUMLAH BESAR	39,205.52
	BAKI	72,058.45

NOTA :

1. BAKI TUNAI DI BANK

1. 1 AKAUN UTAMA MAEH	56,345.94
1. 2. AKAUN PROMOSI MAEH	15,285.04
1. 3 TUNAI DI TANGAN	427.47
	<u>72,058.45</u>